

Kempen Pembiayaan Semula BizSolution UOB Malaysia

TERMA DAN SYARAT

United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (No. Syarikat 199301017069 (271809-K)) ("UOB Malaysia") sedang menjalankan Kempen Pembiayaan Semula BizSolution ("Kempen") dari 1 Jun 2024 hingga 31 Ogos 2024 (termasuk kedua-dua tarikh), atau sehingga tarikh(-tarikh) yang mungkin ditentukan oleh UOB Malaysia dari semasa ke semasa ("Tempoh Kempen"). Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Surat Tawaran ("LO") dan dokumen pinjaman/pembiayaan ("Perjanjian") yang dikeluarkan dan/atau dikenakan oleh UOB Malaysia berhubung dengan Kempen.

Kelayakan untuk Menyertai

1. Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan Perbankan Perniagaan baharu dan sedia ada UOB Malaysia yang memohon kemudahan(-kemudahan) kredit dengan UOB Malaysia semasa Tempoh Kempen ("Peserta").
2. Pelanggan Perbankan Perniagaan UOB Malaysia adalah termasuk pemilikan tunggal, perkongsian, syarikat sendirian berhad yang termasuk di bawah kriteria segmen Perbankan Perniagaan UOB Malaysia.
3. "Peserta Baharu" adalah merujuk kepada pelanggan Perbankan Perniagaan UOB Malaysia baharu yang tidak mempunyai sebarang kemudahan(-kemudahan) kredit dengan UOB Malaysia semasa Tempoh Kempen.
4. "Peserta Sedia Ada" adalah merujuk kepada mana-mana pelanggan Perbankan Perniagaan UOB Malaysia sedia ada yang mengekalkan kemudahan(-kemudahan) kredit dengan UOB Malaysia semasa Tempoh Kempen.
5. "Kemudahan(-kemudahan) Kredit" adalah merujuk kepada mana-mana kemudahan yang dinyatakan di bawah:-
 - a. Overdraft
 - b. Pinjaman Berjangka/Pinjaman Berbilang Pilihan
 - c. Pinjaman Perdagangan
 - d. Kad Komersial
 - e. Kontrak Pertukaran Asing Hadapan (FX-Forward)
6. Permohonan pinjaman yang termasuk di bawah perkara berikut TIDAK layak untuk menyertai Kempen:-
 - (i) bagi tujuan pembiayaan harta tanah-harta tanah sedia ada yang telah siap yang bebas daripada bebanan; atau
 - (ii) daripada syarikat pemegang pelaburan; atau
 - (iii) pembiayaan, penukaran atau penstrukturran semula dan/atau tambahan kemudahan-kemudahan sedia ada yang diberikan oleh UOB Malaysia yang dijamin oleh harta tanah yang telah siap; atau
 - (iv) Jika permohonan pinjaman tertentu telah mendapat sebarang ganjaran dalam kempen(-kempen) lain yang diadakan oleh UOB Malaysia.

Kaedah Kempen dan Kriteria Kelayakan

7. Semasa Tempoh Kempen, Peserta yang memenuhi syarat berikut ("Pelanggan Yang Layak") berhak mendapat rebat yuran guaman & duti setem sehingga maksimum 1.5% daripada jumlah pinjaman yang diluluskan ("Jumlah Rebab").
 - (i) pinjaman yang baru diluluskan semasa Tempoh Kempen hendaklah diterima oleh Peserta selewat-lewatnya pada 31 Oktober 2024.
 - (ii) jumlah pinjaman minimum RM1,000,000-00 diberikan oleh UOB Malaysia dan diterima sewajarnya oleh Peserta ("Kemudahan Yang Diluluskan").
 - (iii) Jumlah Rebab adalah berdasarkan yuran guaman sebenar dan duti setem yang ditanggung oleh Peserta atau jumlah rebat maksimum yang dinyatakan di atas, yang mana lebih rendah.
 - (iv) Kemudahan(-kemudahan) Yang Diluluskan adalah hanya untuk tujuan pembiayaan semula harta tanah sedia ada yang telah siap daripada institusi(-institusi) kewangan lain kepada UOB Malaysia. Hartanah yang telah siap adalah tertakluk kepada penaksiran dan penilaian lanjut yang memuaskan kepada UOB Malaysia dari segi kedudukan cagaran tersebut bagi mendapatkan Kemudahan Yang Diluluskan.
 - (v) penyediaan dan pelengkapannya dokumen keselamatan di bawah Kempen mesti dikendalikan oleh peguam cara panel yang dilantik oleh UOB Malaysia.
 - (vi) akaun semasa perniagaan perlu dibuka dengan UOB Malaysia dengan deposit permulaan berjumlah minimum RM50,000-00 atau deposit jumlah minimum RM50,000-00 perlu dimasukkan ke dalam akaun semasa sedia ada Peserta dengan UOB Malaysia sebelum pengeluaran pembiayaan mana-mana Kemudahan(-kemudahan) Yang Diluluskan.
 - (vii) bankasurans dengan premium sekurang-kurangnya RM50,000-00 perlu diambil oleh pekerja utama dan/atau mana-mana pengarah/penjamin Peserta dengan panel Syarikat Insurans UOB Malaysia ("Syarikat Insurans"). Surat Kelulusan yang sah daripada Syarikat Insurans ("Surat Kelulusan") perlu dihantar kepada UOB Malaysia sebelum pengeluaran pembiayaan mana-mana Kemudahan(-kemudahan) Yang Diluluskan dan pengeluaran pembiayaan Jumlah Rebab kepada panel firma guaman yang mengendalikan pinjaman dokumen Kemudahan(-kemudahan) Yang Diluluskan.
 - (viii) semua permohonan pinjaman adalah tertakluk kepada penilaian kredit UOB Malaysia dan sebarang kelulusan adalah mengikut budi bicara mutlaknya. Kemudahan(-kemudahan) Yang Diluluskan adalah sentiasa tertakluk kepada terma dan syarat seperti yang ditetapkan oleh UOB Malaysia (seperti klausa 15 di bawah) dari semasa ke semasa.

Terma dan Syarat Lain

8. Dengan syarat bahawa semua terma dan syarat Kemudahan(-kemudahan) Yang Diluluskan telah dipenuhi (termasuk melengkapkan dokumen pinjaman) yang memuaskan UOB Malaysia, Jumlah Rebab hendaklah dibayar kepada panel peguam cara yang dilantik melalui akaun pelanggannya yang diselenggarakan dengan UOB Malaysia setelah menerima salinan invoice peguam cara oleh UOB Malaysia. Sebarang kekurangan atau yuran dan caj lain yang melebihi Jumlah Rebab hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh Pelanggan Yang Layak (tertakluk kepada jumlah rebat maksimum Pelanggan Yang Layak).
9. Sekiranya Kemudahan(-kemudahan) akhir yang diterima dengan sewajarnya oleh Pelanggan Yang Layak tidak memenuhi kelayakan seperti yang ditetapkan dalam Terma dan Syarat Kempen, UOB Malaysia berhak untuk menarik balik kelayakan Kempen dan menggantung Jumlah Rebab.
10. Sekiranya Pelanggan Yang Layak membatalkan dan/atau menamatkan Kemudahan Yang Diluluskan sebelum pengeluaran pembiayaan pertama, peguam yang dilantik akan terus mendapatkan semula daripada pelanggan untuk kos/perbelanjaan (jika ada) yang berkaitan dengan dokumen pinjaman/kos pra-pengeluaran pembiayaan yang ditanggung oleh mereka untuk pinjaman ini.

11. Sekiranya Pelanggan Yang Layak membuat pra pembayaran sepenuhnya, membatalkan atau menamatkan Kemudahan(-kemudahan) Yang Diluluskan dalam tempoh lima (5) tahun dari tarikh pengeluaran pembiayaan pertama Kemudahan(-kemudahan) Yang Diluluskan atau apabila pinjaman Pelanggan Yang Layak bertukar menjadi ingkar pada bila-bila masa semasa tempoh pinjaman, Pelanggan Yang Layak menanggung liabiliti Jumlah Rebат yang dikeluarkan/dibayar oleh UOB Malaysia sepenuhnya bersama-sama dengan pembayaran lain penalti prabayaran tersebut atau tertakluk kepada yuran dan caj lain seperti yang ditetapkan di bawah LO dan/atau sebarang dokumen pinjaman yang berkaitan dengan Kemudahan(-kemudahan) Yang Diluluskan yang berkenaan.
12. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini (serta terma dan syarat lain yang mentadbir Kemudahan(-kemudahan) Yang Diluluskan) dan bersetuju bahawa keputusan UOB Malaysia mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini dan Jumlah Rebат adalah muktamad, konklusif dan mengikat Pelanggan Yang Layak. Untuk sebarang keputusan sedemikian, UOB Malaysia tidak diwajibkan untuk memberikan sebarang sebab atau membuat sebarang surat-menyurat dengan mana-mana individu(-individu) mengenai sebarang perkara berkaitan dengan Kempen dan Jumlah Rebат. Tiada rayuan atau surat-menyurat daripada mana-mana individu(-individu) akan dilayan.
13. UOB Malaysia tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan menerima sebarang liabiliti dalam apa jua bentuk dan bagaimana yang timbul atau dialami oleh Pelanggan Yang Layak atau mana-mana pihak ketiga yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada Kempen ini kecuali disebabkan oleh kecuaian atau salah laku yang disengajakan oleh UOB Malaysia yang berkaitan secara khusus dengan Kempen ini dan/atau Jumlah Rebат.
14. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, UOB Malaysia dengan nyata mengecualikan dan menafikan sebarang perwakilan, jaminan atau pengendorsan, tersurat atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa had kepada apa-apa yang tercetak dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan berkenaan dengan Kempen ini dan/atau Jumlah Rebат.
15. UOB Malaysia berhak untuk menambah, membatalkan, menggantung atau mengubah Terma dan Syarat ini, dari semasa ke semasa, secara sepenuhnya atau sebahagian mengikut budi bicara mutlaknya, dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu melalui paparan di laman web UOB Malaysia, paparan notis di mana-mana cawangan UOB Malaysia dan/atau kenyataan yang dimasukkan dalam penyata akaun atau apa-apa cara lain yang mungkin ditentukan oleh UOB Malaysia dari semasa ke semasa.
16. UOB Malaysia berhak untuk menarik balik, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini sebelum tamat Tempoh Kempen, secara keseluruhan atau sebahagian, dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu kepada Pelanggan Yang Layak.
17. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat ini dan sebarang terma dan syarat lain yang mengawal aspek pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan atau berkenaan dengan Kempen ini, Terma dan Syarat ini akan digunakan.
18. Sebarang obligasi pemfailan cukai atau sebarang pembayaran cukai kepada mana-mana pihak berkuasa/pengawal selia/pihak atau sebarang kos sampingan dan/atau sebarang caj lain yang mungkin timbul akibat penerimaan Jumlah Rebат ini akan kekal sebagai tanggungjawab tunggal, liabiliti dan obligasi Pelanggan Yang Layak sepenuhnya.
19. Terma dan Syarat ini akan ditadbir dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Perserta bersetuju untuk menyerah kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah Malaysia.

[TAMAT]